

Rakaman audio Najib, isteri didengar di mahkamah

BH - 11/2/2020 m/s: 13

Kuala Lumpur: Rakaman audio perbualan didakwa antara Datuk Seri Najib Razak dan isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor dimainkan di Mahkamah Tinggi di sini, semalam.

Ia adalah rakaman audio didedahkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada sidang media bulan lalu, yang mana Rosmah dikatakan berang dengan Najib.

Terdahulu, sebaik saksi kelima pendakwa iaitu bekas Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid, selesai membacakan pernyataan saksinya, Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Seri Gopal Sri Ram, bertanya sekiranya beliau dapat mengenal pasti suara Najib dan isterinya, Rosmah.

Mendengar soalan itu, Mahdzir mengakui biasa mendengar dan dapat mengecam suara berkenaan.

Sehubungan itu, Sri Ram memohon mahkamah memainkan rakaman audio bagi membolehkan Mahdzir membuat pengecaman terhadap rakaman berkenaan.

Bagaimanapun sebaik mendengar permohonan itu, peguam Datuk Jagjit Singh dan Datuk Akberdin Abdul Kader yang mewakili Rosmah, bangkit membantah dengan alasan bukti itu hanya diberikan kepada pembelaan semalam.

“Bukti itu perlu dikemukakan pegawai penyiasat dan bukannya bekas Menteri Pendidikan.

“Mahkamah seharusnya memanggil individu yang menghasilkan rakaman audio itu bagi memberi keterangan dan perkara itu perlu dibuktikan terlebih dahulu,” kata Akberdin.

Menyokong hujah dikemukakan rakannya, Jagjit berkata, sekiranya rakaman berkenaan dimainkan di mahkamah perkara itu akan dilaporkan pihak media.

Mendengar hujahan itu, Hakim Mohamed Zaini Mazlan, berkata kes itu bukan dihakimi media, sebaliknya diadili mahkamah.

“Saya lebih pentingkan perkara yang berlaku dalam mahkamah saya,” katanya.

Mahkamah kemudian mengarahkan rakaman itu dimainkan.

Sehubungan itu, audio *Can i advised you on something* yang didakwa sebagai suara Rosmah diperdengarkan di mahkamah, berulang kali.

Sementara itu, pada sesi soal balas, Jagjit mencadangkan Mahdzir menerima RM50,000 daripada Pengarah Urusan Jepak Holdings Sdn Bhd, Saidi Abang Samsudin, pada Disember 2015.

Jagjit: Pada Disember 2015, anda pergi ke London untuk percutian sekeluarga?

Mahdzir: Ya

Jagjit: Anda maklumkan kepada Saidi dan beliau memberikan wang perbelanjaan RM50,000, anda ingat?

Mahdzir: Tak ingat

Mendengar jawapan itu, Jagjit mencadangkan bahawa Mahdzir berbohong kerana perkara itu dimaklumkan sendiri oleh Saidi dalam keterangannya.

“Dalam perkara ini, sama ada anda atau Saidi yang bercakap bohong,” kata Jagjit dengan nada marah.

Jagjit juga mencadangkan bahawa Mahdzir menjual kredibilitinya kepada SPRM bagi membolehkan dua tuduhan rasuah dikenakan terhadapnya ditarik seperti yang berlaku kepada bekas pembantu Rosmah, Datuk Rizal Mansor.

Mahdzir bagaimanapun, tidak bersetuju cadangan itu.